

Press Clipping

Port Klang Free Zone

Publication: Berita Harian – Colour
Ekonomi, P. 22 (1 of 1)

Date: July 5, 2007

Penyewa PKFZ naik sekali ganda

ZON Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) mencatatkan peningkatan lebih sekali ganda penyewanya sepanjang tempoh empat bulan lalu, sekali gus mencerminkan keyakinan pelabur tempatan dan luar negara terhadap kewibawaan zon berkenaan.

Pengerusinya, Datin Paduka O C Phang, berkata ketika ini PKFZ mempunyai 20 penyewa, meningkat lebih 100 peratus berbanding hanya sembilan penyewa pada Februari lalu.

Katanya, sepanjang tempoh berkenaan, pelaburan penyewa di PKFZ berjumlah RM467 juta dengan jangkaan pelaburan tambahan sebanyak RM85 juta lagi.

Beliau berkata, sepanjang tempoh kajian, pelabur terbabit memajak 22 hektar tapak industri sedia ada, dengan pilihan untuk menyewa 20.8 hektar lagi serta lapan unit kilang industri ringan.

“Mereka (penyewa) turut diberi pilihan menyewa gudang dengan pilihan untuk menyewa dua lagi unit, manakala enam lot ruang pejabat seluas lebih 5,300 kaki persegi telah disewa,” katanya dalam kenyataan di Kuala Lumpur, semalam.

Phang berkata, antara pelabur terbaru di PKFZ ialah Pantech Group Holdings Bhd, syarikat tersenarai di Papan Utama Bursa Malaysia yang mengeluarkan dan membekal paip, aksesori serta produk pengawal aliran (PFF).

Kumpulan Pantech dan anak syarikatnya mengeluarkan dan membekalkan pelbagai jenis produk PFF yang se-

bahagian besarnya digunakan untuk industri transmisi cecair dan gas dalam sektor minyak dan gas, penjaanaan kuasa, penapisan minyak kelapa sawit dan biodiesel, petrokimia serta kimia.

“Pelabur menghargai lokasi kami yang mempunyai kelebihan strategik, kemudahan tempat penyimpanan dan gudang serta status bebas cukainya yang membolehkan mereka mengeksport dan mengedar barangan masing-masing ke peringkat serantau,” katanya.

Sementara itu, jurucakap Kumpulan Pantech menegaskan, PKFZ adalah lokasi pelaburan sesuai kerana ia adalah hab yang menyediakan kemudahan gudang simpanan dan pengedaran untuk menyimpan serta membekalkan produk PFF kepada pelanggannya.

“Bagi memperkemarkan operasi kami, kemudahan yang terdapat di PKFZ akan digunakan sebagai hab

pengeksporan semula produk PFF ke pasaran serantau,” katanya.

Ketika ini, pelabur yang terdapat di PKFZ meliputi pelbagai industri termasuk simpanan besi dan besi waja untuk tujuan eksport, pengeluaran dan penyimpanan peralatan ‘sub sea’, paip dan aksesori bagi industri minyak dan gas serta komponen import terpakai automotif untuk eksport semula.

PKFZ dimiliki serta dimajukan Lembaga Pelabuhan Klang dan ia projek pembangunan terbesar dilaksanakan lembaga terbabit sejak perkhidmatan pelabuhan diswastakan hampir dua dekad lalu.

Ia merangkumi kawasan seluas 40.5 hektar bersebelahan Pelabuhan Barat di Pulau Indah, adalah zon bebas industri dan komersial bersepadu yang pertama di Malaysia yang membolehkan aktiviti pengeluaran dan komersial berjalan serentak.

Bagi tujuan pelaburan, terdapat insentif menarik yang ditawarkan Lembaga Kemajuan Industri Malaysia (Mida) seperti pengecualian cukai, insentif eksport, insentif penyelidikan dan pembangunan (R&D) 100 peratus ekuiti asing dan 100 peratus pemulangan modal dan keuntungan.

Antara kemudahan disediakan ialah Agensi Setempat (OSA) bagi menguruskan pendaftaran dan pelesenan syarikat serta mengendalikan perkhidmatan berkaitan dengan urusan seperti mendapatkan permit kerja.

FAKTA NOMBOR

PKFZ

RM467j

Pelaburan penyewa sepanjang tempoh empat bulan lalu

RM85j

Jangkaan pelaburan bertambah